

04 NOV 1997

Law-Penapis

PEMBERSIH UDARA DI LUAR UNTUK KURANGKAN PENCEMARAN

PETALING JAYA, 4 Nov (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah meminta Malaysian Electric Corporation Bhd (MEC) mencipta pembersih udara yang boleh membersihkan udara luaran dan menapis bahan cemar utama.

Menteri berkenaan Datuk Law Hieng Ding berkata MEC, yang telahpun mengeluarkan unit penapis udara dalam bangunan, boleh menggunakan kepakarannya untuk mencipta pembersih udara dalam jumlah yang banyak yang boleh dipasang di papan-papan iklan di kawasan yang sesak dan tercemar.

"Kami telah menguji pembersih udara dalaman yang dikeluarkan MEC dan berpuashati dengannya," katanya merujuk kepada pembersih udara MEC yang mampu menapis sehingga 99 peratus pencemaran dalam bangunan.

Law bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Asia Pasifik mengenai alam sekitar yang bertajuk "Menyatukan Teknologi Dengan Alam Sekitar" di sini hari ini.

Persidangan empat hari itu adalah anjuran bersama Persatuan Amerika bagi kejuruteraan memanas, menyejuk dan mendingin hawa (Ashrae) cawangan Malaysia, anggota sekutu Ashrae Singapura dan Institut Kejuruteraan Malaysia.

Katanya idea itu, yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat kabinet baru-baru ini, akan dikaji secara serius oleh Jabatan Alam Sekitar, Sirim Berhad dan Jabatan Kimia untuk memastikan ia berdaya maju dan bagi menentukan teknologi terbaik sebelum ia dilaksanakan.

Katanya kajian awal telah siap berdasarkan unit pembersih udara dalaman yang kini diedarkan secara komersil oleh beberapa syarikat tempatan dan asing.

Mengenai kos dan penyenggaraan yang tinggi bagi pembersih sedemikian, Law berkata kementerian boleh meminta agensi pengiklanan membayar sebahagian daripada kos kerana mereka juga mendapat manfaat daripada papan-papan iklan itu.

Sementara itu Pengarah Urusan United Air Technologies Bernard Loh Son Wah memberitahu pemberita bahawa idea untuk menyediakan pembersih udara sedemikian adalah berdaya maju memandangkan terdapat teknologi murah sekarang.

"Kita boleh menggunakan penyaring air untuk membersihkan zarah yang terapung daripada menggunakan penapis yang lebih mahal dalam pembersih udara dalaman," kata Bernard yang juga Pengarah projek penghapus CFC. (Chloro-Fluoro-Carbon) negara.

Katanya teknik sedemikian kini digunakan di kilang-kilang besar dan industri tembakau.

Mengenai perkembangan program penghapusan bahan penghakis ozon, (ODS), Law berkata sejak 1990 alat penyejuk bersaiz besar yang menggunakan CFC-11 dan CFC-12 telah dihapuskan secara berperingkat dan penyejuk yang bukan berasaskan ODS telah diperkenalkan di pasaran Malaysia sejak 1992.

ODS merujuk kepada bahan kimia yang menyerang dan memecahkan molekul ozon di atmosfera yang penting bagi benda hidup kerana ia menapis sinar ultralembayung.

Katanya sejumlah US\$848,000 daripada US\$10 juta dana pelbagaihal di bawah Protokol Montreal telah digunakan bagi program penghapusan ODS.

"Kita berharap menjelang tahun 2000 industri kita akan bebas daripada ODS," katanya.

Mengenai keadaan jerebu, Law berkata corak angin menunjukkan angin Timur Laut akan membawa keluar jerebu dari Sarawak tetapi akan bertukar arah dan membawanya kembali ke semenanjung.

Katanya Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sarawak dijangka menurun, sementara IPU di beberapa bandar di semenanjung akan meningkat dalam tempoh 24 jam. -- BERNAMA

HJ NN RON